

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1999/2000

Februari 2000

SAU 213 – Gender, Ideologi & Kuasa

Masa: [3 jam]

---

Arahan:

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Jawab kesemuanya TIGA soalan sahaja, iaitu soalan no. 1 daripada Bahagian A dan pilih DUA soalan daripada Bahagian B.

Bahagian A

1. Baru-baru ini Kementerian Sumber Manusia telah mewujudkan “Code for the Eradication of Sexual Harassment” (1999). Apakah sebab wujud “Code” ini dan bincangkan kejadian gangguan seksual di tempat kerja?

Jika ia berlaku di tempat kerja apakah cara-cara untuk menyelesaikannya supaya pembangunan sumber manusia tidak terjejas?

(40 markah)

Bahagian B

2. Buat masa ini, wanita sudah ramai keluar berkerja. Beri analisis anda mengenai kedudukan mereka di sfera domestik dan hierarki tempat kerja. Adakah ini mewujudkan perubahan kepada hubungan jantina?

(30 markah)

3. Apakah tekanan-tekanan yang dikenakan terhadap orang tua kita khususnya kaum wanita? Bincangkan dari segi sosio-budaya dan ekonomi masyarakat kita. Apakah rancangan masa depan yang perlu kita sediakan untuk mereka?

(30 markah)

4. Sekian ramai wanita yang mencebur diri dalam arena politik Malaysia. Beri analisis anda tentang penglibatan mereka dalam politik sejak tahun 1970-an, dan huraikan peranan mereka dalam pilihanraya baru-baru ini.

(30 markah)

5. Globalisasi banyak memberi kesan ke atas kaum wanita di Malaysia. Huraikan kesan-kesannya ke atas wanita sebagai rakyat, suri rumah, dan pekerja. Beri cadangan-cadangan untuk mengatasi kesan-kesan ini.

(30 markah)

- oo o0o oo -